



ZALORA Bertaruh Besar untuk Memperkembangkan Pakaian “Modest”

#ZALORAYA2025: Menampilkan Fesyen Sederhana Trendi & Berjenama, Mengukuhkan status kuasa ZALORA dalam Pasaran Asia Tenggara

SINGAPURA, 12 Mac 2025 – [[ZALORA](#)], sebuah entiti pakar fesyen Asia yang juga merupakan e-dagang terkemuka dalam industri pakaian “modest” Asia Tenggara, terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh serta populariti kategori tersebut di seluruh rantau, meskipun berdepan dengan cabaran ekonomi. Sempena dua dekad meraikan fesyen “modest”, ZALORA berjaya melancarkan kempen yang dinanti-nantikan, pameran tahunan serta pertunjukan fesyen “modest” untuk musim Raya. Koleksi tahun ini mengetengahkan palet warna alami yang lembut dengan sentuhan kehijauan, bagi mempamerkan gabungan gaya dan tanggungjawab keluarga moden yang menghargai penampilan yang elegan sambil menyumbang kepada kelestarian planet, serta memperkenalkan kategori haiwan peliharaan, dan menampilkan tawaran gaya daripada pereka pakaian “modest” yang terkemuka di rantau ini.

Sensasi ZALORAYA 2025 - Malaysia, Indonesia, Singapura

Menampilkan pelbagai rangkaian pakaian yang berkualiti, trendi dan berpatutan daripada 19 jenama dan pereka terkenal dari seluruh Asia Tenggara, termasuk NH by Nurita Harith, Syomirizwa Gupta, TAS by Tom Abang Saufi, Alia B, Yadotsa, dan banyak lagi. ZALORAYA 2025 juga menampilkan koleksi istimewa termasuk ZALIA Etherea Raya, dan Lubna Romantic Rebels yang buat pertama kalinya menampilkan pakaian kucing comel untuk #PurrfectRaya.

Menggabungkan komuniti merentasi sempadan, sambutan ZALORAYA 2025 bermula di lokasi-lokasi tumpuan fesyen pakaian “modest”. Dari **7 hingga 9 Februari** di **The Starhill, Kuala Lumpur, Malaysia**, para pembeli boleh menyertai aktiviti-aktiviti bertemakan Raya dan komuniti, menikmati persembahan istimewa, dan membeli koleksi kegemaran mereka daripada ZALORA di sana. Keterujaan diteruskan lagi di **Kota Kasablanka, Jakarta, Indonesia** dari **21 Februari hingga 2 Mac**. Bagi menyokong pereka tempatan dan kempen *Bangga Buatan Indonesia* kerajaan Indonesia, acara ini juga akan mempamerkan koleksi istimewa daripada jenama Indonesia, Ria Atelier dan Embara. Buat pertama kalinya selepas pandemik, ZALORAYA kembali ke Singapura, di mana para pembeli boleh menyertai sambutan di **Design Orchard**. Memandangkan permintaan yang tinggi, acara di Singapura telah dilanjutkan dari **7 hingga 11 Mac**.

Kebangkitan Pakaian “Modest”

Didorong sambutan perayaan yang semakin meningkat, fesyen “Modest” terus berkembang maju di Asia Tenggara. ZALORA mencatatkan peningkatan sebanyak 33% berbanding tahun lepas pada separuh pertama 2024. Di peringkat global, pasaran fesyen “Modest” dijangka mencapai USD428 bilion menjelang 2027 dengan peningkatan tahunan sebanyak 6.1%. ZALORA, yang sedar akan potensi pasaran ini, telah menumpukan perhatian strategik di negara-negara utama seperti Malaysia, Indonesia dan Singapura.

“ZALORA, sebagai pakar fesyen Asia dan e-dagang terkemuka bagi pakaian “Modest” di Asia Tenggara, mengakui serta memahami potensi yang signifikan dalam memenuhi pelbagai keperluan dan keutamaan para pengguna Muslim. ZALORA berdedikasi untuk berkolaborasi secara erat dengan para pereka sendiri dan pereka tempatan dalam usaha menyediakan pilihan pakaian “Modest” yang mudah

didapati, namun tetap bergaya serta mengikut trend terkini bagi semua individu,” demikian menurut **Mia Lim, Pengurus Kategori Pakaian “Modest” di ZALORA Malaysia.**

ZALIA: Ekspo Gaya Elegan Kesantunan

ZALIA, jenama eksklusif ZALORA, mempersembahkan *Etherea Raya*, sebuah koleksi Hari Raya yang menggabungkan reka bentuk klasik dan anggun serta keselesaan, bagi menghasilkan pakaian yang mempunyai ciri lembut dan gemalai halus. Koleksi ini memanfaatkan perincian manik yang halus, aksyen yang teliti, hiasan sulaman yang indah, dan fabrik bertekstur seperti renda, satin, organza dan sifon, bagi menghasilkan sentuhan akhir yang elegan.

Sebagai tambahan kepada koleksi ini, barisan ZALIA BASICS yang menumpukan pada keselesaan dan kebolehpakaian, menampilkan keperluan harian seperti pakaian dalam, selendang, pakaian solat, dan pakaian Raya untuk wanita moden yang mengidamkan keindahan bagaikan mimpi dan kesederhanaan pakaian sebenar yang boleh dipakai dengan selesa. Buat pertama kalinya, koleksi ini telah direka dengan teliti untuk **merangkumi lelaki bersaiz besar**, membolehkan mereka mengalami rasa ringan dan yakin dengan fabrik yang selesa.

Lubna: Kombinasi unik Keanggunan dan Pesona Awet Muda

Sementara itu, koleksi LUBNA *Romantic Rebels* terbaharu ZALORA menggabungkan keanggunan abadi yang awet muda dengan unsur revolusi. Direka untuk wanita moden yang meraikan keperibadian, ia merangkumkan kewanitaan yang matang dengan penuh anggun sambil mengekalkan identiti unik dan semangatnya yang tersendiri dengan keindahan tekstur lembut, estetik vintaj, dan kontemporari.

Lebih menarik, koleksi ini memperkenalkan **pakaian kucing yang comel**. Pakaian yang menawan ini membolehkan kucing kesayangan anda mengambil bahagian dalam perayaan, mencerminkan estetik koleksi dengan sempurna dan membawa kelainan yang menyeronokkan kepada perayaan keluarga. Raikan **#PurrfectRaya** tahun ini dengan **Koleksi Kucing Lubna** - kerana pakaian sedondon bukan lagi untuk manusia sahaja!

Kekuatan dan Inovasi ZALORA

Kunci kepada misi ZALORA untuk menghubungkan jutaan pelanggannya di Asia Tenggara dengan dunia fesyen yang tidak terbatas adalah infrastruktur dan teknologinya yang maju. Pusat kepada rangkaian yang mampan ini ialah Hab e-Pemenuhan ZALORA di Malaysia, yang menempatkan kira-kira tujuh juta barangan. Untuk pertama kalinya, ZALORA telah menghubungkan inventornya merentas tiga pusat pemenuhannya di Malaysia, Indonesia dan Filipina, membolehkan jualan rentas pasaran. Ini membolehkan pelanggan memilih rangkaian jenama dan produk yang lebih luas dari semua pusat pemenuhan ZALORA di seluruh Asia Tenggara.

Kelestarian di ZALORA

ZALORA kekal teguh dalam komitmennya terhadap kelestarian. Dengan menerima pakai pilihan penghantaran jarak dekat rendah karbon, ZALORA terus bekerjasama dengan pengawal selia tempatan seperti Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) untuk merintis pilihan penggunaan kenderaan elektrik dan rendah karbon baharu. Tambahan pula, pusat pemenuhan ZALORA mencapai kadar kitar semula 90 peratus melalui pengurusan sisa dan amalan pembungkusan yang mampan. ZALORA juga melancarkan inisiatif pengambilan balik di seluruh rantau ini yang menggalakkan pelanggan mengitar semula pakaian lama di pusat yang ditetapkan, sekali gus menunjukkan lagi komitmennya untuk menggalakkan ekonomi kitaran dan mengurangkan kesan alam sekitar.

Peneraju Pakaian “Modest” Asia Tenggara ZALORA

Sebagai e-dagang terkemuka dalam industri pakaian “Modest” Asia Tenggara, ZALORA komited untuk memenuhi pelbagai keperluan dan citarasa pelanggan kami. Menjelang dekad kedua meraikan pakaian “Modest” dengan konsep segar dan koleksi yang diinspirasikan, ZALORAYA tahun ini bukan sekadar meraikan fesyen “Modest”, ia adalah bukti pertumbuhan dan inovasi ZALORA yang berterusan.

Koleksi #ZALORAYA2025 boleh didapati di [sini](#).

Bahan media boleh didapati di [sini](#).

– ENDS –

Kontak Media:

Christopher Dagumol | Group Director - Corporate Communications
christopher.dagumol@zalora.com

Hugo Wong | Senior Executive - Corporate Communications
hugo.wong@zalora.com | +65 9025 0688

Tentang ZALORA

ZALORA ialah Destinasi Fesyen dan Gaya Hidup dalam Talian Asia. Ditubuhkan pada tahun 2012, syarikat ini mempunyai kehadiran di Singapura, Indonesia, Malaysia, Filipina, Hong Kong dan Taiwan. ZALORA adalah sebahagian daripada Global Fashion Group, peneraju dunia dalam fesyen dalam talian untuk pasaran baru muncul. ZALORA menawarkan koleksi luas jenama dan produk antarabangsa dan tempatan terkemuka merentas kategori pakaian, kasut, aksesori dan kecantikan untuk lelaki dan wanita. Menawarkan pulangan percuma sehingga 30 hari, penghantaran cepat sepantas 3 jam, penghantaran percuma melebihi perbelanjaan tertentu, pelbagai kaedah pembayaran dan program langganan kesetiaan ZVIP, menawarkan penghantaran percuma dan cepat tanpa had. ZALORA ialah destinasi membeli-belah dalam talian dengan kemungkinan fesyen dan gaya hidup yang tidak berkesudahan.

Tentang Global Fashion Group

[Global Fashion Group](#) (“GFG”) ialah destinasi fesyen dan gaya hidup yang terkemuka di LATAM, SEA dan ANZ. GFG wujud untuk memperkasakan pekerja, pelanggan dan rakan kongsi mereka untuk mengekspresikan diri mereka yang sebenar melalui fesyen. Tiga platform e-dagang GFG - Dafiti, ZALORA dan THE ICONIC - menawarkan pelbagai jenis jenama antarabangsa, tempatan dan jenama sendiri kepada pasaran yang pelbagai yang terdiri daripada 800 juta pengguna. Melalui perjalanan pelanggan yang lancar dan memberi inspirasi, dikuasakan oleh gabungan pandangan berasaskan data dan kepakaran tempatan, platform GFG memberikan pengalaman pelanggan yang luar biasa dari penemuan hingga penghantaran. Visi GFG adalah untuk menjadi destinasi fesyen & gaya hidup #1 di pasarannya, dan komited untuk melakukannya secara bertanggungjawab dengan memberi manfaat kepada manusia dan planet dalam semua yang dilakukannya. (ISIN: LU2010095458)

Untuk maklumat lanjut dit: <https://global-fashion-group.com/>